



Warganegara Malaysia yang berumur 18 tahun ke atas, terdiri daripada **Anak Negeri Selangor** yang berkelayakan dan memenuhi kriteria yang ditetapkan adalah dipelawa untuk mengisi kekosongan jawatan berikut:-

- (a) **JAWATAN** : Pembantu Awam Gred H11
(b) **JABATAN** : Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor
(c) **TARAF JAWATAN** : Tetap
(d) **KUMPULAN PERKHIDMATAN** : Kumpulan Pelaksana
(e) **KLASIFIKASI PERKHIDMATAN** : Kemahiran
(f) **TARIKH TUTUP PERMOHONAN** : **01 Mei 2022**
(g) **JADUAL GAJI MINIMUM – MAKSIMUM:** :

GRED GAJI	MINIMUM (RM)	MAKSIMUM (RM)	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
H11	1,218.00	2,939.00	80.00

SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) warganegara Malaysia;
(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
(c)
(i) Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. GRED H11 [Gaji Permulaan : RM1,218.00]
(Syarat Tambahan: Bagi tugas penyelamat, calon perlu memiliki Sijil Pertolongan Cemas serta berkebolehan berenang dan bagi tugas memandu enjin sangkut/motobot, calon perlu memiliki perakuan kekompetenan berkaitan daripada Jabatan Laut Malaysia)
GRED H11 [Gaji Permulaan : RM1,264.15]

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

2. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Pentaksiran Tingkatan Tiga/Penilaian Menengah Rendah atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

DESKRIPSI TUGAS

3. (i) Melaksanakan tugas-tugas am bersifat hands-on yang memerlukan keupayaan fizikal di dalam dan luar bangunan pejabat dan tugas-tugas berkaitan sokongan teknikal ke atas peralatan dan ruang kerja.
(ii) Melaksanakan tugas-tugas khusus seperti membaik pulih, menyelenggara kemahiran/ketukangan yang khusus.
(iii) Melaksanakan tugas-tugas lain yang diarahkan oleh ketua Jabatan.